

20 JAN 2003

LEAD ABDULLAH-DASAR/I

M'SIA AKAN TERUSKAN DASAR YANG DITERAJUI OLEH DR MAHATHIR, KATA ABDULLAH

Oleh: Yong Soo Heong

PUTRAJAYA, 20 Jan (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan dasar yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ia merupakan dasar negara yang dipersetujui sebulat suara oleh Kabinet dan akan kekal sebagai pemacu utama bagi dasar kerajaan kerajaan Malaysia," katanya kepada pegawai-pegawai bank pelaburan dan pengurus dana tempatan dan asing di majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh ECM Libra Investment Bank yang berpangkalan di Labuan di sini, hari ini.

Abdullah, yang akan menggantikan Dr Mahathir pada Oktober ini berkata adalah tidak wajar untuk memperkenalkan dasar-dasar baru semata-mata kerana "saya mahu memahat nama sebagai pembuat dasar."

Beliau berkata beliau sering ditanya apa yang boleh diharapkan oleh komuniti perniagaan daripada peralihan kepimpinan lewat tahun ini.

"Jawapan saya sering konsisten iaitu meneruskan dasar-dasar utama. Ingin saya yakinkan di sini bahawa kenyataan ini bukan sekadar memberi jawapan. Ia merupakan jawapan jujur berdasarkan realiti keadaan semasa," katanya.

Meskipun mungkin terdapat semakan dari masa kesemasa dan pengubahsuaian dibuat bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa, pelabur-pelabur diberi jaminan akan kesinambungan arah dasar, katanya.

Abdullah berkata kerajaan akan terus berusaha mengekalkan pertumbuhan ekonomi, perpaduan, keamanan dan kestabilan negara.

Tanpa keamanan dan kestabilan, beliau berkata adalah mustahil untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan Malaysia berjaya berkembang hingga ke tahap sekarang kerana kejayaannya mengelak sebarang pergolakan sosial.

Kerajaan, tegasnya, komited untuk menangani semua masalah yang boleh membawa ancaman kepada perpaduan negara.

Abdullah berkata beliau menghabiskan masanya selama 38 tahun dalam perkhidmatan awam, sebagai kakitangan kerajaan dan juga ahli politik dan daripada pengalamannya beliau mempelajari bahawa strategi yang baik tidak sepatutnya ditolak begitu sahaja.

Beliau berkata beliau telah terlibat dalam pembentukan banyak dasar ekonomi negara sejak 1970-an seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara.

Malaysia, katanya, telah lama mengguna pakai amalan bergagasan dan melaksanakan pelan pembangunan jangka panjang.

Sebagai contoh, Perdana Menteri Kedua negara Tun Abdul Razak Hussein, mempunyai matlamat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang sama rata dan beliau berjaya mencapai wawasannya ini menerusi pengagihan semula pendapatan bagi menangani ketidakseimbangan antara kaum-kaum utama.

"Wawasan ini menjadi penggerak yang paling penting dalam Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun. Walaupun beliau meninggal dunia pada 1976 sejurus selepas pelan induknya diperkenalkan, dasar itu diteruskan oleh penggantinya Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir."

Begitu juga, katanya, konsep Wawasan 2020 Dr Mahathir akan diteruskan.

Abdullah juga berkata terdapat cabaran besar yang perlu dihadapi oleh ekonomi negara dan Malaysia sudahpun mengkaji bagaimana untuk kekal bersaing dan relevan.

Malaysia juga sedar bahawa ia tidak boleh bergantung kepada model yang membolehkannya mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan melebihi 8.0 peratus

seperti sebelum 1997.

"Kita tidak boleh berterusan menampilkan diri kita sendiri sebagai pengeluar dan pengeksport kos rendah," kata Abdullah.

Malaysia perlu meneruskan langkah memastikan perusahaan Malaysia menggerakkan rantaian nilai bagi menumpukan kepada kegiatan tokokan nilai tinggi dan peralihan ke arah teknologi maklumat dan komunikasi serta bioteknologi merupakan satu daripada inisiatif untuk mempercepatkan pengubahsuaian ini, katanya.

Beliau menyebut bioteknologi sebagai contohnya kerana ia merupakan bidang di mana Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif yang jelas.

Walaupun sesetengah pihak memberi amaran bahawa bioteknologi merupakan bidang yang memerlukan kos pembangunan yang tinggi dan kadar kejayaannya agak rendah, Timbalan Perdana Menteri berkata adalah kurang wajar sekiranya Malaysia yang dianugerahkan Allah dengan pelbagai sumber bio tidak mencari jalan untuk mengambil manfaat daripadanya.

Abdullah juga berkata Malaysia perlu mengurangkan pergantungannya kepada eksport di mana perdagangan ketika ini berjumlah kira-kira berganda keluaran dalam negara kasar.

Beliau berkata meskipun perdagangan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di masa depan, Malaysia perlu mempelbagaikan sumber pendapatannya dan langkah telahpun dimulakan untuk merangsangkan sektor perkhidmatan yang memberi sumbangan lebih 56 peratus kepada KDNK Malaysia.

Logistik, pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan mempunyai prospek tinggi menjadi bahagian menguntungkan bagi Malaysia

Abdullah berkata beliau menyokong dasar ekonomi Dr Mahathir yang mahu memastikan ekonomi domestik yang lebih kukuh kerana ia akan melindungi Malaysia daripada masalah luaran rakan kongsi dagangannya.

"Saya percaya satu daripada cara untuk maju ke hadapan adalah mencari sumber baru kekayaan terutama bagi kumpulan pendapatan rendah dan hanya menerima keuntungan kecil daripada lonjakan ekonomi kita," katanya.

Menyentuh mengenai penanaman padi beliau berkata tidak banyak pandangan diberikan untuk menghasilkan lebih banyak produk sampingan berbanding padi dan beras.

Beliau berkata penanaman padi tidak sepatutnya dilihat sebagai penerokaan yang tidak mewah kerana terdapat produk sampingan lain seperti wain, kosmetik, biskut dan bahan mentah bagi papan binaan yang boleh dikeluarkan daripada tanaman itu.

Sebagai contoh, beliau berkata sekiranya purata hasil tanaman boleh meningkat sebanyak satu tan bagi satu hektar, kecukupan makanan akan meningkat kepada 110 peratus daripada 60 peratus ketika ini dan petani-petani juga akan mendapat lebih banyak keuntungan.

"Ini akan memberi kesan positif kepada ekonomi dan meningkatkan kepantasan wang. Setiap tambahan ringgit bagi orang miskin adalah lebih cepat untuk dibelanjakan berbanding tambahan ringgit bagi orang kaya," katanya. -- BERNAMA

SHY SHO FR SHY ZK